

Syor gubal akta khusus elak wakil rakyat alih sokongan

● Kelompangan Akta A1663 amat serius kerana sokongan atau penarikan sokongan terhadap sesebuah gabungan politik dapat mempengaruhi kejatuhan atau pembentukan sesebuah kerajaan

● Senario mutakhir ini memberi petunjuk terdapat satu keperluan mendesak supaya satu akta khusus mengenai aktiviti lompat parti digubal dan diwujudkan walaupun terdapat peruntukan itu dalam Perlembagaan



Othman De Haffiz Hakim Hani
bhrencana@bh.com.my

Apabila empat ahli Parlimen BERSATU secara terbuka menyatakan sokongan terhadap kepimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri, sudah tentu tindakan itu mengundang pelbagai reaksi dalam kalangan ahli politik, akademik dan masyarakat.

Ada yang berpendirian tindakan mereka selaras dengan jaminan hak asasi bersuara termaktub dalam Perkara 10(1)(a) Perlembagaan.

Namun, pada masa sama, ada pandangan tindakan itu satu cabaran terhadap amalan demokrasi berparlimen yang bukan sahaja mampu menimbulkan ketidakstabilan politik, malah mengganggu tugas mandat rakyat ketika pilihan raya.

Apa yang pasti, tindakan ini mendedahkan kejanggalan dan kelompangan mekanisme kawalan sedia ada terhadap aktiviti lompat parti, walaupun Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022 (Akta A1663) melarang Ahli Dewan Rakyat bertukar parti sudah berkuat kuasa.

Namun, dalam senario mutakhir ini, apabila beberapa Ahli Dewan Rakyat membangkang menyuarakan hasrat memberikan sokongan kepada kerajaan, ia dilakukan tanpa apa-apa tindakan melompat atau menukar keahlian parti.

Walaupun tindakan ini menyumbang kepada pengukuhan dan kestabilan terhadap kerajaan semasa, timbul pula persoalan, sama ada tindakan sedemikian bertentangan dengan undang-undang antilompat parti.

Pada masa sama, timbul juga persoalan mengenai kelangsungan mandat diberi pengundi kepada ahli Dewan Rakyat terbabit pada pilihan raya lalu.

Menginsafi beberapa peristiwa lompat parti sebelum ini yang memberi kesan buruk kepada sistem pemerintahan negara, barumuk pada tahun lalu meluluskan mekanisme bagi melarang aktiviti lompat parti dalam kalangan Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) menerusi pindaan Akta A1663.

Akta itu mula berkuat kuasa pada 5 Oktober 2022, kira-kira sebelum Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) diadakan pada November tahun sama. Oleh itu secara mudahnya, mekanisme semasa bagi meluluskan wakil rakyat melompat parti adalah melalui pindaan Perlembagaan, bukan melalui akta Parlimen khusus.

Ciri utama pindaan terhadap Perlembagaan ini dengan memasukkan Perkara 49A menyentuh aspek definisi dan pengecualian aktiviti lompat parti di Dewan Rakyat.

Perkara 49A(1)(a) menegaskan seseorang Ahli Dewan Rakyat ditafsirkan sebagai melompat parti sekiranya melepaskan keanggotaan parti politiknya, atau tidak lagi menjadi ahli parti politik terbabit.

Pada masa sama, Perkara 49A(1)(b) menyatakan seorang Ahli Dewan Rakyat memenangi pilihan raya menerusi tiket calon Bebas, turut ditafsirkan sebagai melompat parti jika menyertai parti politik lain.

Kesannya, sekiranya perkara itu berlaku, keahlian seseorang Ahli Dewan Rakyat terhenti dan kerusi Parlimen dimenangkannya perlu dikosongkan, menuntut Pilihan Raya Kecil (PRK) diadakan.

Jika diamati secara mendalam peruntukan tersebut di atas, boleh disimpulkan kancu terhadap kawalan lompat parti adalah berdasarkan keahlian rasmi seseorang Ahli Dewan Rakyat terhadap parti politik disertainya.

“Sokongan atau penarikan sokongan terhadap sesebuah gabungan politik dapat mempengaruhi kejatuhan atau pembentukan sesebuah kerajaan”

Dalam hal berkaitan keahlian, pengecualian hanya diberi sekiranya dipecat daripada parti dianggotainya atau mendapat pelepasan daripada parti politiknya untuk melepaskan keanggotaannya apabila dilantik sebagai Yang Dipertua Dewan Rakyat.

Tiada peruntukan jelas

Disebabkan tiada peruntukan jelas dalam Perlembagaan menyentuh aspek menyatakan sokongan terhadap pihak lawan di Dewan Rakyat, sama ada pembangkang kepada kerajaan atau sebaliknya mampu menggugurkan keahlian Ahli Dewan Rakyat terbabit, maka ia jelas secara literal tidak bertentangan peruntukan Perlembagaan.

Begitu pun, senario mutakhir mendedahkan terdapat satu keperluan bagi memastikan kejanggalan dan kelompangan undang-undang atau 'lacuna' ini dapat diatasi.

Justeru, peruntukan Perkara 49A secara am perlu diperhalusi merangkumi aspek perubahan pendirian parti secara kolektif. Hal ini kerana Perkara 49A pada ketika ini hanya memfokuskan terhadap keanggotaan Ahli Dewan Rakyat secara individu

dan bukan pendirian parti secara menyeluruh.

Lantaran itu, seseorang Ahli Dewan Rakyat tidak dianggap melompat parti sekiranya parti dianggotainya mengambil keputusan menyokong atau menarik sokongan terhadap sesebuah gabungan politik.

Kelompangan undang-undang terhadap peruntukan dinyatakan adalah amat serius kerana sokongan atau penarikan sokongan terhadap sesebuah gabungan politik dapat mempengaruhi kejatuhan atau pembentukan sesebuah kerajaan.

Hal ini mampu mengganggu gugat matlamat asal pindaan Perlembagaan dilakukan, iaitu untuk memberi kestabilan kepada sistem politik sedia ada.

Senario mutakhir ini juga memberi petunjuk terdapat satu keperluan mendesak supaya satu akta khusus mengenai aktiviti lompat parti digubal dan diwujudkan, walaupun terdapat peruntukan itu dalam Perlembagaan.

Akta sedemikian diperlukan bagi tujuan mengukuhkan aspek lompat parti secara lebih khusus dan mendalam kerana peruntukan dalam Perlembagaan bersifat umum.

Antara kelebihan sesebuah akta diwujudkan, ia tidak seperti peruntukan dalam Perlembagaan iaitu ia lebih fleksibel untuk ditambah baik dan dipinda bagi memenuhi keperluan semasa.

Hal ini berbeza dengan peruntukan Perlembagaan yang memerlukan sokongan majoriti dua pertiga dalam Dewan Rakyat jika hendak dipinda. Sebaliknya akta digubal Parlimen hanya memerlukan undi majoriti ahlinya.

Disamping itu, sebuah akta khusus ini mampu memberi ruang untuk undang-undangnya digubal mengenai aspek lain berkaitan integriti politik secara am dan antilompat parti secara khusus. Ini termasuk menyentuh aspek pembabit elemen pecah amanah, salah guna kuasa, mahupun politik wang.

Ia juga boleh mencakupi aspek menangani fitnah dan tuduhan liar berkaitan lompat parti yang tidak berasas dan tidak dapat dibuktikan. Oleh itu, pengubalan akta ini mampu memberikan satu kedudukan 'menang-menang' kepada dua pihak, sama ada di blok kerajaan dan pembangkang.

Seterusnya, pengubalan akta khusus juga boleh memberikan ruang kepada pengundi menyatakan pendirian mereka melalui Litigasi Kepentingan Awam.

Konsepsi ini secara amnya memberi ruang kepada mana-mana pihak untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap pihak terkait dengan isu berkepentingan awam.

Menerusi kaedah ini, ia akan membuka ruang kepada pengundi mengambil tindakan sivil terhadap individu melompat parti secara terang bertangjawab, sekali gus berpotensi menjadi langkah pencegahan ampuh terhadap aktiviti berkenaan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH